

20 MAY 2003

Law-Bioteknologi/I

LEMBAH BIO MALAYSIA AKAN PUNYAI TIGA INSTITUT TERAS

DENGKIL, 20 Mei (Bernama) -- Lembah Bio Malaysia akan diwakili oleh tiga institut teras termasuk Institut Agro-Bioteknologi, kata Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Seri Law Hieng Ding.

Beliau berkata Institut Farmaseutikal dan Nutrasetikal serta Institut Biologi Genomik dan Molekular akan turut mewakili Lembah Bio Malaysia dengan ketiga-tiga institusi itu dijangka siap dan beroperasi sepenuhnya menjelang 2006.

Menurutnya Perbadanan Pembangunan Lembah Bio juga akan ditubuhkan bagi menguruskan pembangunan Lembah Bio Malaysia, yang terletak di kawasan seluas 200 hektar di selatan Cyberjaya, iaitu pusat multimedia negara.

"Lembah Bio Malaysia akan berperanan sebagai pusat dan menyatukan semua inisiatif bioteknologi yang sedang dijalankan di seluruh negara serta membantu, menyelaras dan menggalakkan pengkomersilan penemuan dan produk para pemegang amanahnya iaitu kementerian-kementerian, kerajaan-kerajaan negeri, agensi-agensi kerajaan dan institusi-institusi pengajian tinggi," katanya pada upacara pecah tanah Lembah Bio Malaysia oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini, hari ini.

Daripada kawasan seluas 200 hektar itu, sebanyak 80 hektar akan dibangunkan dalam fasa pertama Lembah Bio Malaysia yang menelan belanja RM100 juta.

Ia akan menjadi kawasan aktiviti bioteknologi seperti penyelidikan ubat-ubatan dan pemrosesan bio yang dikendalikan dalam platform teknologi yang berbeza.

"Syarikat-syarikat bioteknologi dalam Lembah Bio akan menikmati infrastruktur bertaraf dunia dan persekitaran kerja yang kondusif dengan berkongsi kemudahan dan perkhidmatan seperti sistem komunikasi maju, infrastruktur rangkaian dan perkhidmatan sokongan perniagaan," kata Law.

Beliau berkata kejayaan pelaksanaan Lembah Bio Malaysia bergantung kepada sokongan dan kerjasama penuh semua pemegang amanahnya.

Satu pelan induk juga sedang dibangunkan bagi memastikan Lembah Bio Malaysia berkembang menjadi sebuah komuniti yang dilengkapi kemudahan penyelidikan, komersil, pendidikan, rekreasi dan kediaman menjelang 2009.

Untuk membantu mewujudkan komuniti baru di Lembah Bio Malaysia, syarikat pelaburan negeri Selangor, Kumpulan Hartanah Selangor, akan menyediakan keperluan rekreasi dan kediaman yang saling lengkap melengkapi.

Sementara itu, Menteri Besar Selangor Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo berkata kerajaan negeri akan memberikan sokongan dan komitmen kepada pembangunan Lembah Bio Malaysia.

"Kerajaan negeri sudah mengenal pasti syarikat-syarikat berkaitan bioteknologi di Selangor dan langkah-langkah akan diambil untuk menarik syarikat-syarikat itu ke Lembah Bio Malaysia. Ini juga adalah sebahagian daripada rancangan kami untuk bersedia menghadapi cabaran padaran global," katanya pada majlis itu.

Beliau berkata Kumpulan Hartanah Selangor telah diberikan mandat untuk melaksanakan fasa awal seluas 320 hektar berdasarkan konsep perkongsian pintar dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

"Dalam fasa awal ini, kementerian akan menggunakan 80 hektar daripada keseluruhan tanah untuk pembangunan ketiga-tiga institut bioteknologi itu. Kumpulan Hartanah Selangor pula akan menyediakan kemudahan sokongan seperti kediaman, pusat rekreasi dan kemudahan awam," katanya.

Beliau yakin Selangor, yang kaya dengan pelbagai sumber bio, dapat

menyumbang kepada peningkatan penyelidikan dan pembangunan bioteknologi di negara ini.

-- BERNAMA

SR AZZ NAK